

01 JAN 1997

Mahathir - Pelancong

PELANCONG PERLU DIBERI LAYANAN BAIK, KATA PM

KUALA TERENGGANU, 1 Jan (Bernama) -- Penduduk tempatan perlu memberi layanan baik kepada pelancong asing jika negara ini mahu menjadi destinasi pelancongan yang unggul di dunia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Hati pelancong perlu dijaga....bagaimana perasaan kita jika rakyat sesebuah negara memberi layanan buruk kepada kita ketika berkunjung ke negara berkenaan," katanya ketika melancarkan program Tahun Melawat Terengganu 1997 di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah di sini malam ini.

Menurut Perdana Menteri, pelancongan mampu menjadi sumber kewangan yang besar kepada negara. Justeru itu, ia perlu dijaga agar pelancong asing tidak jemu untuk berkunjung ke Malaysia.

Upacara pelancaran berwarna-warni yang disaksikan oleh hampir 10,000 orang itu merupakan yang pertama seumpamanya diadakan di Terengganu. Hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Besar Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad.

Menurut Dr Mahathir, rakyat perlu diasuh supaya benar-benar memahami manfaat yang bakal mereka perolehi daripada industri pelancongan kerana tanpa peranan mereka, industri itu tidak mungkin berkembang.

Beliau juga mahu semua sumber keindahan alam semula jadi di negara ini dieksploitasi sebaik mungkin untuk dijadikan daya tarikan pelancong.

Menurut Perdana Menteri, tidak ada gunanya negara ini mempunyai air terjun, air panas, tasik dan sebagainya jika ia tidak dimajukan sebagai destinasi pelancongan.

Dr Mahathir berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas majlis itu.

-- BERNAMA

AM FAZ